

**NO. SOALAN: 294**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**RUJUKAN : 7291**

**SOALAN:**

Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai jumlah orang yang ditahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (Prevention of Crime Act (PCA)) dan pecahan tahanan tersebut mengikut kaum dan negeri. Senaraikan pusat tahanan yang menempatkan para tahanan ini dan jumlah tahanan di setiap pusat tahanan PCA.

**JAWAPAN:**

**Untuk makluman, sehingga 30 September 2014, seramai enam (6) orang telah dikenakan Perintah Tahanan di bawah seksyen 19A Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297). Statistik Perintah Tahanan tersebut adalah seperti di Lampiran A.**

**LAMPIRAN A****STATISTIK PERINTAH TAHANAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN JENAYAH 1959  
(AKTA 297) BAGI TEMPOH 02 APRIL 2014 HINGGA 30 SEPTEMBER 2014**

Bil.	Status Kewarganegaraan		Kaum				Jantina		Pusat Pemulihan Khas	
	W	BW	Melayu	Cina	India	Lain-lain	L	W	Bentong	Simpang Renggam
April	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Mei	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jun	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Julai	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Ogos	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
September	3	3	2	-	-	4	6	-	4	2
Jumlah	3	3	2	-	-	4	6	-	4	2

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : PUAN TERESA KOK SUH SIM  
DARIPADA [ SEPUTEH ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar yang memohon masuk ke universiti awam tempatan dan jumlah yang diterima oleh universiti tempatan pada tahun 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014. Nyatakan peruntukan yang diperuntukkan kepada setiap universiti awam tempatan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dari tahun 2010 hingga 2014, seramai 1,059,777 orang yang memohon dan 248,290 orang yang ditawarkan tempat di IPTA bagi lepasan SPM/Setaraf. Bagi lepasan STPM/Setaraf pula, seramai 332,171 orang yang memohon dan 204,690 orang yang ditawarkan tempat di IPTA.

Peruntukan pembangunan yang telah disalurkan ke IPTA dari tahun 2010 hingga 25 September 2014 adalah berjumlah RM10,997,211,915.00.